

1,500 anggota SSNT jayakan program pasca banjir

KUALA TERENGGANU 1 Jan. - Lebih 1,500 anggota Skwad Sukarelawan Negeri Terengganu (SSNT) yang dibentuk seminggu lalu akan digerakkan untuk membantu mangsa memulihkan semula kehidupan mangsa banjir di Pantai Timur terutamanya Dungun dan Kemaman.

Pengerusi SSNT, Mohd. Johari Abu Bakar memberitahu, ketika ini semua mereka yang mendaftarkan diri berada dalam keadaan bersiap sedia menyertai operasi pasca banjir ketika keperluan khidmat tenaga amat mendesak bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan dan menyalurkan bantuan awam.

"Kami akan berkampung di Dungun dan Kemaman selama seminggu

untuk membantu memulihkan kawasan terjejas banjir," katanya di sini hari ini.

SSNT terdiri daripada lebih 30 pertubuhan gabungan terdiri daripada pertubuhan belia, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), parti politik, agensi kerajaan dan institusi pendidikan tinggi (IPT).

Katanya, gabungan itu termasuklah Pergerakan Pemuda UMNO, Puteri UMNO, Majlis Belia Negeri, Gerakan Belia 4B (M) Negeri, Sahabat Belia, MAYC Terengganu dan Majlis Belia Daerah.

Tambahnya, selain itu, turut serta pasukan pacuan empat roda dan kelab motor, SSNT turut melibatkan penyertaan warga Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti

Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Kolej TESDEC.

"Juga agensi kerajaan seperti Jabatan Belia dan Sukan, Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, Agensi Transformasi Rakyat Terengganu (ATRA), Unit Komunikasi Negeri Terengganu (UKOM), pihak berkuasa tempatan dan Pejabat Daerah," ujarnya.

SSNT turut mengalu-alukan penyertaan orang ramai untuk bersama-sama skuad itu dan pendaftaran boleh dibuat melalui Setiausaha SSNT, Muhammad Rosdi Mat Zin di talian 013-9716585 dan Penolong Setiausaha SSNT (Tuan Azman Tuan Alias - 019-9519782).

SINAR HARIAN
13/01/2015

Sukarelawan universiti disaran beri bantuan

MARANG - Penghujung tahun lalu negara menyaksikan bencana banjir melanda beberapa negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Perlis, Sabah, Kedah dan terbaru di Negeri Sembilan dan juga Johor.

Malah, warga universiti di negeri ini juga dikejutkan dengan kejadian banjir yang berlaku di kampus seperti di Universiti Malaysia Terengganu dan Universiti Sultan Zainal Abidin.

Sehubungan itu, kata seorang aktivis, Kamaruddin Muda, 35, sukarelawan di universiti di negeri ini diharapkan dapat turut sama mengerakkan kerja-kerja bantuan termasuk menyumbangkan tenaga untuk membantu mangsa banjir selepas bencana.